

Langkah sekat ajaran songsang Semua dakwah disiasat—Dr. M

Oleh
JAMALUDDIN BAKAR

Bahan asal dari Arkivo
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan petang ini bahawa Kerajaan akan menyiasat semua badan dakwah bagi memastikan mereka betul-betul berdakwah dan bukan sebagai topeng melakukan jenayah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan boleh campurtangan dalam hal ehwal agama sesebuah negeri sekiranya ia melibatkan Undang-undang Jenayah.

Bellau menegaskan ini kerana Islam dan perkara-perkara berkait dengan agama Islam adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri.

Selepas melawat Pameran Perabot Antarabangsa di Changkat Pavillion, di sini petang ini, Dr. Mahathir menerangkan bahawa selama ini Kerajaan tidak menghiraukan sangat tentang kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh perubuhan dakwah kerana tidak mahu dituduh sebagai menekan kegiatan-kegiatan dakwah di negara ini.

Tidak punya kuasa

"Tetapi peristiwa berdarah di Batu Pahat Khamis lalu, mendorong Kerajaan mengambil langkah-langkah tegas bagi memastikan kegiatan-kegiatan dakwah tidak diselewangkan," katanya.

"Ini bagi memastikan tindakan keganasan itu tidak berulang lagi dan diharap mereka yang benar-benar untuk berdakwah tidak disalah angkap," tegas bellau.

Mengenal cadangan Tunku Abdul Rahman Pulaga Alhaj supaya Kerajaan mengkaji semula Perlembagaan Persekutuan mengenai penadbiran agama, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata,

"Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang mengenai perkara tersebut hanya boleh diubah jika Dewan Undangan Negeri bersetuju berbuat demikian."

Katanya, setakat ini Kerajaan Pusat belum bertial apa-apa dalam hal ini sehingga mengadakan rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tegasnya, meskipun Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa dalam pertambahan hal ehwal agama namun ia boleh bertindak jika perbuatan yang dilakukan oleh pendakwah-pendakwah beranggah dengan perundangan negara seperti melakukan jinayah atau mencederakan orang lain.

"Oleh yang demikian Kerajaan Pusat mempunyai kuasa bertindak terhadap segala perbuatan beranggah dengan perundangan negara itu oleh pendakwah-pendakwah," tegasnya lagi.

Mengenal penggabungan pelajaran Kampuchea dalam

serangan berdarah di Batu Pahat itu bellau berkata, Kerajaan juga akan bertindak bagi memastikan pelajaran Kampuchea yang lain tidak mencampuri hal ehwal negara ini.

"Tindak berkuasa akan memastikan mereka tidak melibatkan diri dalam hal ehwal dalam negara ini seperti berpolitik atau mencampuri perbuatan yang boleh menjejaskan kedudukan mereka, ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri menasihatkan rakyat Kampuchea di negara ini supaya menjaui diri dari perbuatan yang tidak sihat.

Sementara itu, wakil kita di Kuala Pilah, Radzi Mustapha melaporkan, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri dijangka akan mengadakan Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam SeMalaysia khusus untuk membincangkan berhubung dengan ajaran sesat di negara ini.

Menteri Kati Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir berkata: "Satu kajian menyeluruh mengenai perkara ini perlu dibuat untuk menentukan imej agama Islam dan negara terjamin."